



NEGERI JOHOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF JOHORE GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 53
No. 12

4hb Jun 2009

TAMBAHAN No. 5
PERUNDANGAN

J. P.U. 13.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PASAR MALAM/SEHARI
(MAJLIS PERBANDARAN JOHOR BAHRU TENGAH) 2003

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 102(h) Akta 171.
Akta Kerajaan Tempatan 1976, Majlis Perbandaran Johor Bahru
Tengah membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut Pihak
Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil berikut:

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan Undang-undang Kecil Pasar Malam/Sehari (Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah) 2003. Nama, pemakaian dan tarikh berkuatkuasa.

(2) Undang-undang kecil ini hendaklah terpakai bagi Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah sahaja dan hendaklah berkuatkuasa pada tarikh ianya disiarkan dalam *Warta*. Tafsiran.

2. Dalam undang-undang kecil ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-

“gerai pasar malam/sehari” termasuklah sesebuah gerai, tapak, meja, bangku, kerusi, gerobok atau mana-mana bumbung yang mudahalih atau tidak dan sama ada beroda atau tidak beroda di mana makanan, minuman atau barang-barang daripada apa jua jenis dijual atau dipamerkan untuk jualan;

“pasar sehari” ertinya mana-mana tapak di atas mana-mana jalan awam, lorong awam, atau tempat-tempat awam yang mana pada fikiran Majlis adalah sesuai untuk jualan atau dipamerkan untuk jualan sesuatu makanan, minuman atau barang-barang daripada apa jua jenis daripada jam 6.00 pagi hingga 12.00 tengah hari;

“pasar malam” ertinya mana-mana tapak di atas mana-mana jalan awam, lorong awam atau tempat-tempat awam yang mana pada fikiran Majlis adalah sesuai untuk jualan atau dipamerkan untuk jualan sesuatu makanan, minuman atau barang-barang daripada apa jua jenis daripada jam 4.00 petang hingga 12.00 malam;

“Majlis” ertinya Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah;

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah dan termasuklah Timbalan Yang Dipertua;

“pegawai berkuasa” ertinya mana-mana pegawai Majlis atau mana-mana pegawai polis;

“pemegang lesen” ertinya mana-mana orang atau pertubuhan kepadanya suatu lesen telah diberikan di bawah undang-undang kecil ini;

Lesen. 3. (1) Tiada seorang pun boleh mendirikan atau meletakkan mana-mana gerai pasar malam/sehari di atas mana-mana jalan awam, lorong awam atau di atas mana-mana tempat awam tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Yang Dipertua.

(2) Tiap-tiap lesen boleh dibatalkan, dipotong atau digantung oleh Yang Dipertua pada bila-bila masa tanpa memberi apa-apa alasan.

(3) Tiap-tiap lesen yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil ini hendaklah ditandatangani oleh Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberikuasa secara bertulis olehnya dan hendaklah dalam borang yang ditetapkan oleh Yang Dipertua dari masa ke semasa.

(4) Lesen yang dikeluarkan hendaklah mempunyai penetapan tapak atau tapak-tapak dan saiz gerai pasar malam/sehari yang dibenarkan termasuk juga waktu perniagaan dan menduduki suatu kawasan tidak melebihi keluasan yang ditetapkan di dalam lesen.

Lesen hendaklah di pameran.

4. Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah mempamerkan lesennya pada setiap masa, di suatu tempat yang mudah dilihat dan diperiksa digerainya dan mengemukakan atau disebabkan supaya dikemukakan lesen itu apabila diminta oleh mana-mana pegawai berkuasa.

5. (1) Fee yang boleh dibayar bagi menganjurkan suatu pasar malam/sehari atau jika tiada penganjur, fee lesen hendaklah sebagaimana ditetapkan di dalam Jadual I atau Jadual II. Fee lesen.

(2) Fee yang dibayar bagi suatu lesen tidak boleh dibayar balik apabila suatu lesen itu dibatalkan atau digantung.

6. (1) Tiada pemegang lesen mana-mana gerai pasar malam/sehari boleh memindahmilik, memajak atau menyewakan lesennya kepada mana-mana orang atau pertubuhan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua. Lesen tidak boleh dipindahmilik.

(2) Walau apa pun peruntukan dalam undang-undang kecil 6(1) bagi lesen-lesen yang dikeluarkan kepada mana-mana penganjur berdaftar, pajakan dan penyewaan lesen kepada mana-mana orang boleh dibenarkan oleh Yang Dipertua.

7. Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah membiarkan semua tempat lalu-lalang di sebelah gerai pasar malam/sehari bebas dari apa jua jenis halangan yang timbul dari atau berkaitan dengan perniagaannya dan tiada pemegang lesen boleh menempatkan mana-mana barang perniagaannya melewati garisan-garisan penandaan yang menunjukkan kawasan gerainya. Halangan.

8. Tiap-tiap pemegang lesen gerai pasar malam/sehari hendaklah menjaga- Kebersihan.

(a) dirinya dan pakaiannya supaya berada dalam keadaan yang bersih; dan

(b) semua barang-barang yang berhubung dengan perniagaannya dan termasuk makanan, minuman supaya berada dalam keadaan baik dan bersih.

9. (1) Semua sampah sarap yang mudah busuk atau sampah sarap jenis pepejal yang basah hendaklah dimasukkan ke dalam beg plastik atau lain-lain bekas yang sesuai dan hendaklah diikat dengan sempurna sebelum dimasukkan ke dalam suatu tong sampah. Pembuangan Sampah.

(2) Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah menentukan bahawa semua sampah sarap yang terkumpul semasa menjalankan perniagaan itu dibuangkan dari masa ke semasa ke dalam suatu tong sampah.

10. Tiada pemegang lesen gerai pasar malam/sehari atau pekerja-pekerjanya boleh menyebabkan atau membenarkan diletakkan, ditumpahkan, ditaburkan atau dibuang apa-apa jua bahan buangan, cecair buangan atau bahan-bahan busuk lain ke atas mana-mana jalan atau tempat awam atau ke dalam mana-mana longkang. Tumpahan bahan busuk.

Gerai Pasar Malam/
Sehari dipindah-
kan selepas waktu
perniagaan.

11. Semua barang-barang, benda atau alat-alat lain yang berkaitan dengan gerai pasar malam/sehari hendaklah dipindahkan oleh pemegang lesen selepas tamat tempoh waktu berniaga yang ditetapkan.
- Larangan. 12. Tiada seorang pun boleh mendirikan mana-mana gerai pasar malam/sehari—
- (a) di atas jalan-jalan utama;
 - (b) dalam lingkungan sembilan meter dari persimpangan jalan;
 - (c) dalam lingkungan tiga puluh enam desimeter dari pili bomba; atau
 - (d) berhampiran dengan mana-mana surau, masjid, tanah-tanah perkuburan atau tempat-tempat beribadat.
- Penalti. 13. (1) Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan di bawah undang-undang kecil ini, atau melanggar mana-mana syarat yang terkandung dalam sesuatu lesen tersebut adalah bersalah melakukan suatu kesalahan.

(2) Mana-mana orang yang melakukan apa-apa kesalahan di bawah mana-mana peruntukan undang-undang kecil ini, apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau keduanya, dan bagi kesalahan berterusan, denda tidak melebihi dua ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

JADUAL I

FEE LESEN UNTUK PERSEORANGAN [Undang-Undang Kecil 5(1)] (Sekiranya dikendalikan oleh Majlis)

Jenis	Salz Geral	Fee Lesen	Masa
(1) Pasar Malam 10 kaki x 8 kaki		RM96.00 satu petak setahun	4.00 petang hingga 12.00 malam
		atau RM8.00 satu petak sebulan	
(2) Pasar Sehari 10 kaki x 8 kaki		RM96.00 satu petak setahun	6.00 pagi hingga 12.00 tengah hari
		atau RM8.00 satu petak sebulan	

JADUAL II

FEE LESEN UNTUK PENGANJUR BERDAFTAR
[Undang-Undang Kecil 5(1)]
 (Sekiranya dikendalikan oleh pertubuhan)

<i>Jenis</i>	<i>Fee Lesen</i>	<i>Masa</i>
(1) Pasar Malam	RM100.00 sebulan untuk satu tempat	4.00 petang hingga 12.00 malam
(2) Pasar Sehari	RM100.00 sebulan untuk satu tempat	6.00 pagi hingga 12.00 tengah hari

Dibuat pada 5 November 2003
 MPJBT(UU)/By-Law/1/7
 [KT. 24/69/23(35); PUNJ.Bil.(PU 2) 7 Jld. 2(20)]

HAJI BURHAN BIN AMIN
 Yang Dipertua
 Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah

Disahkan 7 Januari 2004

HAJI MOHAMED BIN HAJI KARIM
 Jurutulis
 Majlis Mesyuarat Kerajaan
 Johor

LOCAL GOVERNMENT ACT, 1976

PASAR MALAM/SEHARI

(JOHOR BAHRU TENGAH MUNICIPAL COUNCIL) BY-LAWS 2003

In exercise of powers conferred by paragraph 102(h) of the Local Government Act 1976, Johor Bahru Tengah Municipal Council makes and pursuant to section 103 of the said Act, the State Authority confirms the following By-laws: Act 171.

1. (1) These By-laws may be cited as the Pasar Malam/Sehari (Johor Bahru Tengah Municipal Council) 2003. Citation, application and commencement.

(2) These By-laws shall apply only to Johor Bahru Tengah Municipal Council area and shall come into force on the date of its publication in the *Gazette*.

2. In these By-laws unless the context otherwise requires— Interpretation.

“pasar malam/sehari stall” includes stall, site, table, bench, chair, show board or any roof covering portable or non-portable and whether on wheels or not where food, drinks or goods of any kind are sold or displayed for sales;

"pasar sehari" means any site on any public street, public lane or public place which in the opinion of the Council suitable for the sale or display for sale of any food, drinks or goods of any kind from 6.00 a.m. to 12.00 noon;

"pasar malam" means any site on any public street, public lane, or public place which in the opinion of the Council suitable for the sale or display for sale of any food, drinks or goods of any kind, from 4.00 p.m. to 12.00 midnight;

"Council" means the Johor Bahru Tengah Municipal Council.

"President" means the President of the Johor Bahru Tengah Municipal Council and includes the Deputy President.

"authorised officer" means any officer of the Council or any police officer;

"licensee" means any person or association to whom a licence has been granted under these By-laws;

Licence. 3. (1) No person shall erect or set up any pasar malam/sehari stall on any public street, public lane or on any public place without a licence issued by the President.

(2) Every licence may be revoked, cancelled or suspended by the President at any time without assigning any reason therefore.

(3) Every licence issued under these By-laws shall be signed by the President or any officer authorised in writing by the President, and shall be in such form as prescribed by the President from time to time.

(4) The licence issued shall be prescribed with site or sites and size of the pasar malam/sehari stall together with trading hours as permitted and occupy an area not exceeding the area specified in the licence.

Licence to be exhibited. 4. Every licensee shall keep his licence exhibited at all times in a prominent and conspicuous place of the stall and produce or cause to be produced when required to do so by any authorised officer.

Licence fee. 5. (1) The fee payable for organising a pasar malam/sehari or in the absent of an organiser, the licence fee shall be as set out in Schedule I or Schedule II.

(2) The fee paid for a licence shall not be refunded upon the revocation or suspension of a licence.

Licence not transferable. 6. (1) No licensee of any pasar malam/sehari stall shall transfer, lease or let out his licence to any person or association without prior written permission from the President.

(2) Notwithstanding the provision of by-laws 6(1), for licences issued to any registered organizer, leasing and letting the licence to any person may be permitted by the President.

7. Every licensee shall keep all passage-ways adjacent to his pasar malam/sehari stall be free from obstructions of any kind arising from or in connection with his trade and no licensee shall place any article beyond the lines of demarcation showing the area of his stall. Obstruction.

8. Every licensee of the pasar malam/sehari stall shall maintain— Cleanliness.

- (a) his person and clothing in a state of cleanliness; and
- (b) all articles relating to his business and includes foods, drinks in a clean and sanitary condition.

9. (1) All putrefiable or wet solid refuse shall be placed in plastic bags or other suitable containers and shall be properly secured before they are deposited in a refuse bin. Disposal of refuse.

(2) Every licensee shall ensure that all refuse which is accumulated in the course of his business is deposited from time to time in a refuse bin.

10. No licensee of a pasar malam/sehari stall or his employees shall cause or permit to be deposited, spilled, scattered or thrown any waste material, waste liquid or other offensive matter onto any street or any public place or into any drain. Spilling of offensive matter.

11. All articles, goods or other appurtenances relating to pasar malam/sehari stall shall be removed by the licensee after the end of the specified trading hours. Pasar Malam/Sehari stall be removed after business hours.

12. No person shall set up any pasar malam/sehari stall— Prohibition.

- (a) on the main roads;
- (b) within nine metres of a street junction;
- (c) within thirty-six decimetres of a fire hydrant; or
- (d) near with any prayer house, mosque, cemetery or any worship places.

13. (1) Any person who contravenes any provision of these By-laws or contravenes any condition stipulated in the licence thereof is guilty of an offence. Penalty.

(2) Any person who commits an offence under any of the provisions of these By-laws, shall on convictions be liable to a fine not exceeding two thousand ringgit or to a term of

SCHEDULE I

LICENCE FEE FOR INDIVIDUAL

[By-law 5(1)]

(If organised by the Council)

<i>Type</i>	<i>Size of Stall</i>	<i>Licence Fee</i>	<i>Hour</i>
(1) Pasar Malam	10 feet x 8 feet	RM96.00 space per year	4.00 p.m. to 12.00 midnight
		or RM8.00 per space per month	
(2) Pasar Sehari	10 feet x 8 feet	RM96.00 space per year	6.00 a.m. to 12.00 noon
		or RM8.00 per space per month	

SCHEDULE II

LICENCE FEE FOR REGISTERED ORGANISER

[By-law 5(1)]

(If organised by the Association)

<i>Type</i>	<i>Licence Fee</i>	<i>Hour</i>
(1) Pasar Malam	RM100.00 per place per month	4.00 p.m. to 12.00 midnight
(2) Pasar Sehari	RM100.00 per place per month	6.00 a.m. to 12.00 noon

Made the 5 November 2003

MPJBT(UU)/By-Law/1/7

[KT. 24/69/23(35); PUNJ.Bil.(PU 2) 7 Jld. 2(20)]

HAJI BURHAN BIN AMIN

*President**Johore Bahru Tengah Municipal Council*

Confirmed the 7 January 2004

HAJI MOHAMED BIN HAJI KARIM

*Clerk of Council**State Executive Council**Johore*

J. P.U. 14.

**ENAKMEN RIZAB MELAYU 1936
PERINTAH RIZAB MELAYU (No. 4) 2009**

PADA menjalankan kuasa yang diberi oleh subseksyen 2(ii) Enakmen Rizab Melayu 1936 [*Enakmen No. 1/1936*], Raja dalam Mesyuarat dengan ini membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Rizab Melayu (No. 4) 2009** dan hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 4 Mac 2009.

Pindaan Jadual Kedua

2. Jadual Kedua kepada Enakmen adalah dipinda dengan menambah kepadanya dengan yang berikut:

“Ladang Sulong Bersatu Sdn. Bhd.”

Bertarikh 25 Mei 2009
[PTG 20/00/02/1401/0002/2008/0002/2008]

HAI MOHD. HALIM BIN HASBULLAH
Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan
Johor

**MALAY RESERVATION ENACTMENT 1936
MALAY RESERVATIONS (No. 2) ORDER 2009**

IN exercise of the powers conferred by subsection 2(ii) of the Malay Reservations Enactment 1936 [*Enactment No. 1 of 1936*], the Ruler-in-Council hereby makes the following order:

Name

1. This order may be cited as the **Malay Reservations (No. 4) Order 2009** and shall be deemed to have come into force on the 4 March 2009.

Amendment of Second Schedule

2. The Second Schedule of the Malay Reservations Enactment 1936 is amended by adding the following:

"Ladang Sulong Bersatu Sdn. Bhd."

Dated 25 May 2009

[PTG 20/00/02/1401/0002/2008/0002/2008]

HAJI MOHD. HALIM BIN HASBULLAH
Clerk of the State Executive Council
Johore

Maklumat Pencetak ©

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,

Sebuah Sdn. Berhad: Tiada mana-mana jua daripada penulisan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh dipinjam, untuk atau diterbitkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rekaman dan/atau sebaliknya tanpa kebenaran lisan daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak Kepada Kerajaan Malaysia yang diiktiraf).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN JOHOR BAHRU, 2009
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA
www.primasional.com.my, email.pnmbjb@primasional.com.my